

14 JAN 2004

PINDAAN TERHADAP BANTUAN KETENTERAAN KEPADA MALAYSIA DITOLAK

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 14 Jan (Bernama) -- Malaysia dijangka menerima bantuan ketenteraan sepenuhnya bagi program latihan bernilai AS\$4.56 juta tanpa syarat apabila Kongres Amerika Syarikat menerbitkan Rang Undang-undang Peruntukan Operasi Luar Negara menjadi undang-undang pada 20 Jan ini, kata seorang penganalisis di sini Selasa.

Pindaan rang undang-undang Senator Mitch McConnell kepada senat bagi menjadikannya syarat kepada Malaysia untuk menjamin kebebasan beragama khasnya orang Yahudi sebelum negara ini mendapat bantuan ketenteraan di bawah Program Latihan Pendidikan Ketenteraan Antarabangsa (IMET) ditolak oleh kedua-dua dewan pada persidangan bulan lepas bagi menangani perbezaan pendapat mereka mengenai draf rang undang-undang itu.

Langkah mengenakan syarat kepada Malaysia dalam rang undang-undang itu sebagai tindak-balas reaksi kepada kenyataan kontroversi bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai Yahudi pada Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya Oktober lepas.

Seorang penganalisis bagi Asia Tenggara Yayasan Heritage Dana Dillon memberitahu Bernama, "Kita merasakan itu adalah reaksi keterlaluan terhadap perkataan yang diutarakan Dr Mahathir. Adalah lebih sesuai bagi senator itu menghentam perkataan yang digunakan daripada menghukum negara itu berikutan perkataan yang dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu."

"Malaysia adalah rakan baik kepada AS dan telah membantu banyak dalam memerangai pengganas. Mereka (McConnell dan penyokongnya) mengadakan fakta itu dengan meminta pindaan dibuat terlebih dahulu," kata Dillon.

Dillon berkata draf terakhir rang undang-undang itu ke arah hubungan erat antara Amerika Syarikat dan Malaysia.

-- BERNAMA

SH KHY BK

